



GALAKAN TARAF PERINTIS
KETETAPAN UMUM NO. /2023

TARIKH PENERBITAN: 2023

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2023 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN

Muka surat

1.	Objektif	1
2.	Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3.	Tafsiran	1
4.	Pengenalan	3
5.	Syarikat atau Orang yang Layak	3
6.	Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan	3
7.	Permohonan Taraf Perintis	4
8.	Pemberian Taraf Perintis	5
9.	Perakuan Perintis	5
10.	Penarikan Balik Taraf Perintis	6
11.	Pembatalan Perakuan Perintis	6
12.	Penyerahan Taraf Perintis atau Perakuan Perintis	7
13.	Tempoh Pelepasan Cukai	8
14.	Pelanjutan Tempoh Pelepasan Cukai	8
15.	Layanan Cukai bagi Syarikat Perintis	9
16.	Tempoh Asas bagi Perniagaan Perintis	10
17.	Pendapatan Berkanun Perniagaan Perintis dan Pengiraan Pendapatan Perintis dalam Tempoh Pelepasan Cukai	12
18.	Elaun Modal	15
19.	Kerugian Syarikat Perintis	24
20.	Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan	32
21.	Akaun Berasingan	33
22.	Penafian	33

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

DRAF KONSULTASI AWAM

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan mengenai galakan taraf perintis yang boleh dipohon oleh syarikat yang menyertai atau berhasrat hendak menyertai suatu perniagaan berhubung dengan suatu aktiviti digalakkan atau pengeluaran suatu keluaran digalakkan di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 8, 21 dan 21A.
- 2.3 Peruntukan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP) adalah seksyen 2, 4 hingga 4F, 5 hingga 9A, 14 hingga 15, 18, 21L, 25 dan 43A.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Aktiviti digalakkan” ertinya suatu aktiviti pengilangan, pertanian, pertanian bersepadu, hotel, pelancongan atau aktiviti perindustrian atau komersial lain yang ditentukan oleh Menteri mengikut seksyen 4 dan termasuk aktiviti yang disebut dalam seksyen 4A, 4B, 4D, 4E, 4F atau subseksyen 5(1A) kepada APP.
- 3.2 “Dilakukan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam perenggan 46 dan 55 Jadual 3 kepada ACP.
- 3.3 “Hari pengeluaran” bermaksud hari yang ditentukan di dalam perakuan perintis mengikut seksyen 7 APP.
- 3.4 “Keluaran digalakkan” ertinya apa-apa keluaran yang ditentukan oleh Menteri mengikut seksyen 4 dan termasuk keluaran yang disebut dalam seksyen 4A, 4B, 4D, 4E, 4F atau subseksyen 5(1A) kepada APP.
- 3.5 “Menteri”, kecuali di mana terdapatnya sebutan khusus kepada Menteri

Kewangan, ertinya Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

- 3.6 “Pendapatan berkanun” berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.7 “Pendapatan nilai ditambah” ertinya pendapatan berkanun bagi suatu tempoh asas bagi tahun taksiran tolak pendapatan asas yang dilaraskan mengikut inflasi.
- 3.8 “Perakuan perintis” ialah suatu perakuan perintis yang diberikan di bawah seksyen 7 APP atau mana-mana perakuan itu sebagaimana yang dipinda.
- 3.9 “Perniagaan perintis” ialah perniagaan suatu syarikat perintis yang berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan syarikat itu yang dijalankan olehnya dalam tempoh pelepasan cukainya.
- 3.10 “Perniagaan pra perintis” bermaksud perniagaan suatu syarikat perintis yang berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan syarikat itu yang dijalankan olehnya sebelum bermulanya tempoh pelepasan cukai itu.
- 3.11 “Perniagaan selepas perintis” ialah perniagaan suatu syarikat perintis yang disifatkan di bawah Seksyen 15 sebagai telah ditubuhkan dan bermula pada hari berikutan dengan berakhirnya tempoh pelepasan cukainya itu.
- 3.12 “Syarikat” ertinya suatu syarikat —
- (a) yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777]; dan
 - (b) yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran.
- 3.13 “Syarikat perintis” bermaksud suatu syarikat yang diperakui oleh suatu perakuan perintis sebagai suatu syarikat perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang mana tempoh pelepasan cukainya belum tamat atau belum berhenti.
- 3.14 “Tahun asas” ertinya tahun kalendar yang berbetulan dengan tahun taksiran.
- 3.15 “Tahun taksiran” ertinya tahun kalendar.
-

- 3.16 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, punca seseorang tersebut dan suatu tahun taksiran, bermaksud tempoh asas tersebut, jika ada, seperti mana yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau 21A kepada ACP.
- 3.17 “Tempoh pelepasan cukai” berhubung dengan suatu syarikat perintis, ertinya tempoh yang ditentukan mengikut seksyen 14 dan apa-apa pelanjutan tempoh itu di bawah seksyen 14A.

4. Pengenalan

Taraf perintis adalah suatu galakan cukai yang diperuntukkan di bawah APP. Galakan ini memberi pengecualian cukai ke atas sebahagian atau kesemua pendapatan berkanun perniagaan kepada syarikat perintis yang menjalankan suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan keluaran digalakkan di Malaysia.

5. Syarikat atau orang yang layak

- 5.1 Galakan taraf perintis diberikan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti digalakkan atau mengeluarkan keluaran digalakkan.
- 5.2 Syarikat berhubung dengan pertanian berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan termasuk koperasi berasaskan pertanian, Persatuan Peladang Kawasan, Persatuan Peladang Persekutuan, Persatuan Peladang Negeri, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Persekutuan, Persatuan Nelayan Negeri dan perniagaan milik tunggal, perkongsian atau persatuan yang semata-mata melibatkan diri dalam pertanian yang menjalankan aktiviti digalakkan atau mengeluarkan keluaran digalakkan berhubung pertanian.

6. Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan

Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, akan menentukan aktiviti dan keluaran sebagai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan dari semasa ke semasa. Aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan telah diterbitkan melalui perintah statutori seperti berikut:

- (a) Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi) 2012 [P.U.(A) 59/2012] yang menyenaraikan aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi syarikat berteknologi tinggi dalam Jadual Pertama dan dibaca bersama Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi) (Pindaan) 2018 [P.U.(A) 336/2018];
- (b) Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Industri Terpilih) 2012 [P.U.(A) 60/2012]) yang menyenaraikan aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi industri terpilih dalam Jadual;
- (c) Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Pelaburan Semula) 2012 [P.U.(A) 61/2012]) yang menyenaraikan aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi pelaburan semula dalam Jadual;
- (d) Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan) 2012 [P.U.(A) 62/2012]) yang menyenaraikan aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan dalam Jadual Pertama; dan
- (e) Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-Kecilan) 2012 [P.U.(A) 63/2012]) yang menyenaraikan aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi syarikat syarikat kecil-kecilan dalam Jadual Pertama.

7. Permohonan Taraf Perintis

- 7.1 Permohonan dan pemberian taraf perintis adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Ministry of International Trade and Industry) (MITI). Pengemukaan permohonan boleh dibuat kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Malaysian Investment Development Authority) (MIDA) dengan mengemukakan borang yang berkaitan. Untuk maklumat lanjut mengenai kriteria kelayakan dan prosedur permohonan taraf perintis, sila rujuk laman sesawang MIDA di <https://incentives.mida.gov.my/>.
- 7.2 Syarikat perintis atau syarikat yang diberi taraf perintis boleh memohon untuk taraf perintis bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang lain sebagai tambahan kepada yang sedia ada. Syarikat boleh menikmati

galakan taraf perintis bagi satu (1) atau lebih aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dan mempunyai satu (1) atau lebih perakuan perintis.

8. Pemberian Taraf Perintis

Taraf perintis boleh diberikan jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat telah memenuhi kriteria kelayakan. Syarikat adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti di dalam surat kelulusan.

9. Perakuan Perintis

9.1 Syarikat yang telah diluluskan taraf perintis hendaklah membuat permohonan kepada Menteri untuk mendapatkan perakuan perintis dalam tempoh 24 bulan dari tarikh kelulusan taraf perintis diberi atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan. Permohonan hendaklah dikemukakan bersama maklumat berikut:

- (a) kuantiti boleh dipasarkan bagi keluaran digalakkan yang berkaitan yang dikeluarkan oleh kilangnya sebelum permintaan untuk perakuan perintis itu;
- (b) tarikh kilang itu memulakan pengeluaran keluaran digalakkan sebanyak kuantiti boleh dipasarkan dan kadar pengeluarannya;
- (c) bahawa syarat yang dikenakan di dalam surat kelulusan telah dipatuhi.

9.2 Perakuan perintis yang dikeluarkan akan memperakukan perkara berikut:

- a) Syarikat sebagai syarikat perintis;
- b) Kilang yang mana aktiviti digalakkan itu dijalankan atau keluaran digalakkan itu dikeluarkan sebagai kilang perintis; dan
- c) Hari pengeluaran bagi syarikat perintis itu.

10. Penarikan Balik Taraf Perintis

Jika suatu syarikat gagal mematuhi mana-mana terma atau syarat yang dikenakan dalam kelulusan taraf perintis, Menteri boleh melalui notis bertulis menghendaki syarikat itu menunjukkan sebab bahawa kelulusan itu tidak patut ditarik balik dalam masa 30 hari daripada tarikh penyampaian notis itu.

Menteri boleh menarik balik kelulusan taraf perintis jika –

- (a) syarikat itu gagal mematuhi notis tunjuk sebab yang disampaikan kepadanya; atau
- (b) melanggar mana-mana syarat APP atau mana-mana syarat yang dikenakan.

Contoh 1

Oligopoli Sdn Bhd (OSB) telah diluluskan taraf perintis untuk pengilangan produk bahan kimia.

Perkara	Tarikh
Surat kelulusan taraf perintis	1 Oktober 2020
Tempoh 24 bulan pertama	1 Oktober 2020 - 30 September 2022

OSB perlu mendapatkan perakuan perintis dalam tempoh 1 Oktober 2020 hingga 30 September 2022. Penarikan balik taraf perintis boleh dibuat jika syarikat gagal mematuhi syarat 24 bulan yang telah ditetapkan.

11. Pembatalan Perakuan Perintis

11.1 Perakuan perintis boleh dibatalkan sekiranya syarikat perintis gagal mematuhi syarat yang ditetapkan. Syarikat perintis mestilah memberi tunjuk sebab bahawa perakuan perintis tidak boleh dibatalkan dalam tempoh (30) hari dari tarikh penyerahan notis bertulis yang dikeluarkan oleh Menteri.

11.2 Apabila perakuan perintis dibatalkan, syarikat adalah tidak layak untuk mendapat sebarang galakan bermula dari tarikh kuat kuasa pembatalan perakuan perintis. Apa-apa peruntukan yang berkaitan di bawah APP disifatkan sebagai tidak pernah berkuat kuasa ke atas syarikat. Cukai yang

dibayar balik kepada syarikat (sekiranya ada) sebelum ini akan dipungut semula dari syarikat.

- 11.3 Jika tarikh pembatalan ditetapkan selepas tarikh kuat kuasa perintis, tempoh pelepasan cukai syarikat hendaklah telah berakhir pada tarikh pembatalan tersebut. Akaun terakhir tempoh perintis dan akaun pertama tempoh selepas perintis hendaklah disediakan. Pengiraan pendapatan berkanun hendaklah dibuat mengikut tempoh masa jika akaun perniagaan perintis dan selain perintis tidak disediakan secara berasingan.

Contoh 2

Maju Jaya Sdn Bhd (MJSB) telah diluluskan galakan taraf perintis untuk pengilangan lampu LED berteknologi tinggi. Akaun syarikat ditutup setiap 31 Disember. Maklumat adalah seperti berikut:

Perkara	Tarikh
Surat kelulusan taraf perintis	25 Oktober 2018
Hari pengeluaran	1 Jun 2019
Perakuan perintis	7 Januari 2020
Tempoh kuat kuasa galakan taraf perintis (5 tahun)	1 Jun 2019 hingga 31 Mei 2024
Syarat nilai ditambah yang ditetapkan	40%
Nilai ditambah bagi tahun berakhir 31/12/2021 dan 31/12/2022	25% (2021) , 35% (2022)

Berdasarkan semakan audit yang dilakukan, syarikat gagal mematuhi syarat nilai ditambah yang telah ditetapkan di dalam Perakuan Perintis.

Pembatalan taraf perintis boleh dibuat kerana kegagalan syarikat mematuhi syarat yang telah ditetapkan.

12. Penyerahan Taraf Perintis atau Perakuan Perintis

- 12.1 Syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau syarikat perintis, boleh pada bila-bila masa menyerahkan taraf perintis atau perakuan perintis dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri dengan syarat

penyerahan tersebut bukan bagi tujuan untuk memohon elaun cukai pelaburan di bawah APP.

- 12.2 Sekiranya Menteri berpuas hati dengan alasan yang diberikan, surat kelulusan akan dikeluarkan untuk menyatakan tarikh kuat kuasa serah balik.

13. Tempoh Pelepasan Cukai

Tempoh pelepasan cukai bagi syarikat perintis adalah lima (5) tahun bermula dari hari pengeluaran yang dinyatakan dalam perakuan perintis. Dalam tempoh itu sebahagian atau kesemua pendapatan berkanun perniagaan perintis akan dikecualikan cukai.

Contoh 3

Hiasan Kaca Sdn Bhd (HKSB) telah diluluskan galakan taraf perintis untuk pengilangan barangan hiasan kaca.

Maklumat adalah seperti berikut:

Perkara	Tarikh
Surat kelulusan taraf perintis	21 Disember 2022
Hari pengeluaran	1 Jun 2023
Surat permohonan perakuan perintis	5 Jun 2023
Perakuan perintis	15 Jun 2023
Tempoh kuat kuasa galakan taraf perintis	1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2028

Tempoh pelepasan cukai HKSB adalah selama lima (5) tahun bermula pada 1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2028.

14. Pelanjutan Tempoh Pelepasan Cukai

- 14.1 Syarikat perintis boleh diberikan perlanjutan tempoh pelepasan cukai bagi tempoh lima (5) tahun berikutnya. Tempoh lanjutan pelepasan cukai akan bermula sebaik sahaja berakhirnya tempoh pelepasan cukai sebelumnya.

- 14.2 Permohonan untuk mendapatkan pelanjutan tempoh pelepasan cukai hendaklah dilakukan dalam tempoh 30 hari atau suatu tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Menteri selepas berakhirnya tempoh pelepasan cukai.
- 14.3 Syarikat perintis perlu mematuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan bagi memohon kelulusan pelanjutan tempoh pelepasan cukai.

15 Layanan Cukai bagi Syarikat Perintis

- 15.1 Perenggan ini dan yang seterusnya akan menjelaskan tentang layanan cukai bagi syarikat perintis.

Jika perniagaan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan sesuatu syarikat perintis dijalankan sebelum dan selepas tempoh pelepasan cukai, perniagaan syarikat itu dikategorikan kepada tiga perniagaan berbeza seperti berikut:

- a) perniagaan pra perintis;
- b) perniagaan perintis; dan
- c) perniagaan selepas perintis.

- 15.2 Perniagaan perintis dianggap sebagai punca yang berasingan daripada perniagaan yang sama selepas tempoh perintis tamat. Oleh itu, syarikat perintis yang menjalankan perniagaan yang sama selepas tempoh perintis perlu menyediakan akaun berasingan bagi setiap perniagaan tersebut. Akaun syarikat perintis hendaklah disediakan seperti berikut:

- a) Suatu tempoh tidak melebihi satu tahun mulai daripada tarikh perniagaan perintis itu dimulakan;
- b) Tempoh satu tahun yang berturut-turut selepas itu; dan
- c) Suatu tempoh tidak melebihi satu tahun berakhir pada tarikh tamat tempoh pelepasan cukai.

- 15.3 Dalam penyediaan akaun pertama perniagaan selepas perintis, baki permulaan bagi aset dan tanggungan hendaklah sama dengan baki penutup akaun terakhir bagi perniagaan perintis dalam tempoh pelepasan cukai.

16. Tempoh Asas bagi Perniagaan Perintis

- 16.1 Tiap-tiap tempoh perakaunan yang disediakan bagi perniagaan perintis pada perenggan 15.2 KU ini, akan disifatkan sebagai tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran perniagaan perintis. Tempoh asas bagi pendapatan perniagaan yang diperolehi oleh syarikat perintis bagi tempoh sebelum dan selepas perintis akan ditentukan mengikut seksyen 21A ACP.
- 16.2 Jika syarikat terus menyediakan akaun bagi tempoh selepas perintis, tempoh asas bagi tahun taksiran perniagaan selepas perintis adalah disifatkan bermula dalam mana jatuhnya hari permulaan perniagaan selepas perintis.
- 16.3 Sekiranya akaun yang pertama bagi perniagaan selepas perintis (perniagaan baharu) disediakan untuk tempoh 12 bulan, ia merupakan tempoh asas yang pertama bagi tahun taksiran perniagaan selepas perintis.
- 16.4 Dalam keadaan di mana akaun pertama bagi perniagaan selepas perintis ditutup pada tarikh selain dari tarikh perakaunan biasa bagi perniagaan perintis, seksyen 21A, ACP akan terpakai. Sila rujuk KU No. 8/2014 bertajuk Tempoh Asas Bagi Suatu Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah Dan Koperasi.
- 16.5 Bagi persatuan atau individu, tempoh asas bagi punca perniagaan dan bukan perniagaan akan berakhir pada 31 Disember mengikut Seksyen 21 ACP. Sila rujuk KU No.4/2017 bertajuk Tempoh Asas Untuk Punca Perniagaan Bagi Orang Selain Daripada Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah Dan Koperasi.

Contoh 4

Enguin Sdn Bhd (ESB) telah diberi kelulusan taraf perintis. Perniagaan telah bermula pada 1.4.2021. Hari pengeluaran telah ditetapkan pada 1.11.2022. Akaun disediakan setiap 31 Mac.

Tempoh pelepasan cukai ialah 1.11.2022 hingga 31.10.2027.

Akaun syarikat disediakan seperti berikut:

Perniagaan pra perintis
1.4.2021 – 31.3.2022

1.4.2022 – 31.10.2022

Perniagaan perintis

1.11.2022 – 31.3.2023

1.4.2023 – 31.3.2024

1.4.2024 – 31.3.2025

1.4.2025 – 31.3.2026

1.4.2026 – 31.3.2027

1.4.2027 – 31.10.2027

Perniagaan selepas perintis

1.11.2027 – 31.3.2028

Tempoh asas bagi SESB ialah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Perniagaan Pra perintis
2022	1.4.2021 – 31.3.2022
2023	1.4.2022 – 31.10.2022

Tahun Taksiran	Perniagaan Perintis
2023	1.11.2022 – 31.3.2023 (5 bulan) ¹
2024	1.4.2023 – 31.3.2024
2025	1.4.2024 – 31.3.2025
2026	1.4.2025 – 31.3.2026
2027	1.4.2026 – 31.3.2027
2028	1.4.2027 – 31.10.2027(7 bulan) ²

Tahun Taksiran	Perniagaan Selepas perintis
2028	1.11.2027 – 31.3.2028 ³

Nota:

¹Tempoh asas perniagaan perintis bermula pada 1.11.2022 bagi tahun taksiran 2023.

²Mengikut subseksyen 15(1) APP, perniagaan perintis telah berhenti pada 31.10.2027.

³Perniagaan baharu bermula pada 1.11.2027 (perniagaan selepas perintis). Penentuan tempoh asas bagi perniagaan selepas perintis adalah berdasarkan seksyen 21A ACP terpakai.

17. Pendapatan Berkanun Perniagaan Perintis dan Pengiraan Pendapatan Perintis dalam Tempoh Pelepasan Cukai

17.1 Pendapatan kasar, pendapatan larasan dan pendapatan berkanun perniagaan perintis akan ditentukan mengikut peruntukan ACP. Pendapatan berkanun perniagaan perintis bagi tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran ditentukan selepas ditolak elaun modal.

17.2 Amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan cukai adalah berbeza mengikut aktiviti atau keluaran yang digalakkan. Amaun pengecualian ini akan dinyatakan dalam perakuan perintis yang diberikan kepada syarikat.

17.3 Sekiranya amaun pendapatan berkanun dikecualikan adalah sebanyak 70%, baki pendapatan berkanun sebanyak 30% yang tidak dikecualikan akan disifatkan sebagai jumlah pendapatan atau sebahagian jumlah pendapatan bagi tahun taksiran berkenaan. Jumlah pendapatan itu akan dikenakan cukai pada kadar cukai korporat semasa.

17.4 Dalam pengiraan pendapatan berkanun yang dikecualikan cukai bagi syarikat perintis dalam tempoh pelepasan cukai, pendapatan perniagaan perintis dikecualikan adalah tertakluk kepada:

- i. apa-apa syarat yang terkandung dalam perakuan perintis;
- ii. pengurangan bagi kerugian larasan semasa bagi perniagaan bukan perintis; dan
- iii. pengurangan bagi kerugian larasan perniagaan perintis.

Pengiraan pendapatan perintis dikecualikan adalah seperti berikut:

	RM
Pendapatan perintis disifatkan (jumlah tidak dikecualikan cukai):	

Pendapatan berkanun perniagaan perintis	XXXX
Tolak: 70% atas pendapatan berkanun	<u>XXX</u>
Pendapatan perintis disifatkan (30%)	<u>XXX</u>
Pendapatan perintis tertakluk kepada pengecualian:	
70% atas pendapatan berkanun	XXX
Tolak: Rugi tahun semasa perniagaan selain perintis – seksyen 21A APP	<u>XX</u>
	XXX
Tolak: Kerugian perniagaan perintis – subseksyen 25(2) APP	
Rugi perniagaan perintis b/b – subseksyen 43(2) ACP	<u>XX</u>
	XXX
Rugi perniagaan perintis tahun semasa – subseksyen 44(2) ACP	<u>XX</u>
Pendapatan perintis dikecualikan	<u>XXX</u>

17.5 Syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia dan diberi taraf perintis bagi penyertaan dalam aktiviti digalakkan atau pengeluaran keluaran digalakkan seperti di bawah perlu mengira pendapatannya berasaskan 'pendapatan nilai ditambah' iaitu:

- a) aktiviti atau keluaran yang berkepentingan nasional dan strategik bagi Malaysia;
- b) aktiviti yang dijalankan oleh syarikat berteknologi tinggi berhubung dengan menaik taraf makmal pengujian peranti perubatan di Malaysia;
- c) pelaburan semula dalam pengeluaran keluaran atau penyertaan dalam aktiviti digalakkan berasaskan kelapa sawit ; dan
- d) pelaburan semula dalam pengeluaran keluaran atau penyertaan dalam aktiviti digalakkan yang lain selain daripada industri berasaskan sumber, aktiviti pemprosesan makanan, perniagaan hotel, projek

pelancongan, syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak dan aktiviti digalakkan berasaskan biojisim kelapa sawit.

Berikut adalah kaedah mengira pendapatan perintis yang dikecualikan cukai berasaskan 'pendapatan nilai ditambah' syarikat:

a) Mengira pendapatan asas yang dilaraskan mengikut inflasi berdasarkan formula berikut:

i) Tahun pertama, bermula pada hari pengeluaran:

$$A(1+B)$$

yang mana A adalah **purata pendapatan berkanun untuk sehingga 3 tahun sebelum hari pengeluaran**, dan B adalah **kadar inflasi untuk tempoh asas**.

ii) Tahun kedua, daripada hari pengeluaran dan seterusnya:

$$C(1+B)$$

yang mana C adalah **pendapatan yang dilaraskan mengikut inflasi bagi tahun sebelumnya** dan B adalah **kadar inflasi untuk tempoh asas**.

b) Mengira pendapatan perintis dikecualikan

Pengiraan pendapatan perintis dikecualikan bagi pendapatan nilai ditambah adalah seperti berikut:

	RM
Pendapatan berkanun perniagaan perintis	XXX
Tolak:	
Pendapatan asas yang dilaraskan mengikut inflasi (a) - perenggan 21C(2A)(b) APP	<u>XXX</u>
Pendapatan nilai ditambah (tertakluk kepada pengecualian) (b) - perenggan 21C(2A)(a) APP	XXX
Tolak: Rugi tahun semasa perniagaan selain perintis - seksyen 21A APP	<u>XX</u>
	XXX

Tolak: Kerugian perniagaan perintis – subseksyen 25(2) APP	<u>XX</u>
Pendapatan perintis dikecualikan - subseksyen 21C(3) APP	<u>XXX</u>

- c) Menentukan pendapatan berkanun perintis tertakluk kepada cukai:

	RM
Pendapatan berkanun perniagaan perintis	<u>XXX</u>
Tolak: Pendapatan nilai ditambah (tertakluk kepada pengecualian)	<u>XX</u>
Pendapatan berkanun perintis tertakluk kepada cukai	<u>XXX</u>

18. Elaun Modal

- 18.1 Bagi syarikat perintis, elaun modal di bawah Jadual 3 ACP akan ditolak daripada pendapatan perniagaan perintis walaupun syarikat tidak menuntut elaun modal.
- 18.2 Walau bagaimanapun, jika loji dan jentera digunakan oleh syarikat perintis bagi tujuan perniagaan perintis untuk pengstoran, perawatan atau pelupusan buangan terjadual sebagaimana yang ditakrifkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 [P.U.(A) 139/1989], perbelanjaan atas loji dan jentera itu akan dianggap dilakukan pada hari pertama perniagaan selepas perintis.
- 18.3 Penggunaan aset perniagaan pra perintis dalam perniagaan perintis:
- a) aset digunakan dalam perniagaan pra perintis dan **aset yang sama terus digunakan dalam perniagaan perintis** –
 - i. perbelanjaan baki pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran dalam tempoh asas di mana hari permulaan perniagaan perintis terjatuh, disifatkan sebagai perbelanjaan baki aset itu pada hari permulaan perniagaan perintis ; dan

- ii. perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas aset itu oleh syarikat perintis semasa tempoh asas di mana tarikh pemberhentian perniagaan pra perintis itu terjatuh, disifatkan telah dilakukan pada hari permulaan perniagaan perintis.

Contoh 5

Alif Sdn Bhd (ASB) telah memulakan perniagaan pada 1.7.2017 dan diberikan perakuan perintis bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1.4.2018. Akaun disediakan setiap 31 Disember. Pada 1.7.2017 perbelanjaan modal atas loji berjumlah RM200,000 telah dilakukan untuk perniagaan.

- i. Tempoh asas perniagaan pra perintis dan perintis ditentukan seperti berikut:

Perniagaan pra perintis	
Tahun Taksiran	Tempoh Asas
2017	1.7.2017 – 31.12.2017
2018	1.1.2018 – 31.3.2018

Perniagaan perintis	
Tahun Taksiran	Tempoh Asas
2018	1.4.2018 – 31.12.2018
2019	1.1.2019 – 31.12.2019
2020	1.1.2020 – 31.12.2020
2021	1.1.2021 – 31.12.2021
2022	1.1.2022 – 31.12.2022
2023	1.1.2023 – 31.3.2023

- ii. Pengiraan elaun modal adalah seperti berikut:

Perniagaan Pra perintis	
Loji	RM

Perbelanjaan Layak (1.7.2017)		200,000
Tahun Taksiran 2017		
Elaun permulaan (20%)	40,000	
Elaun tahunan (14%)	<u>28,000</u>	<u>68,000</u>
Perbelanjaan bakian		<u>132,000</u>⁴

Nota:

⁴Perbelanjaan baki bagi loji pada 31.12.2017 (perniagaan pra perintis) adalah dianggap sebagai baki perbelanjaan aset pada 1.4.2018 (perniagaan perintis).

Perniagaan Perintis	
Loji	RM
Perbelanjaan bakian	132,000
Tahun Taksiran 2018	
Elaun tahunan (14%)	<u>28,000</u>
Perbelanjaan bakian	104,000
Tahun Taksiran 2019	
Elaun tahunan (14%)	<u>28,000</u>
Perbelanjaan bakian	<u>76,000</u>

Contoh 6

Maklumat adalah sama seperti dalam **Contoh 5**.

Maklumat tambahan:

Perbelanjaan ke atas loji tambahan telah dilakukan pada 1.2.2018 iaitu dalam tempoh perniagaan pra perintis. Kos loji tambahan ialah RM100,000.

Pengiraan elaun modal adalah seperti berikut:

Perniagaan Perintis		
Loji		RM
Perbelanjaan yang layak (1.2.2018)		100,000 ⁵
Tahun Taksiran 2018		
Elaun permulaan (20%)	20,000	
Elaun tahunan (14%)	<u>14,000</u>	<u>34,000</u>
Perbelanjaan bakian		66,000
Tahun Taksiran 2019		
Elaun tahunan (14%)		<u>14,000</u>
Perbelanjaan bakian		<u>52,000</u>

Nota:

⁵Perbelanjaan modal yang layak bagi aset tambahan yang dilakukan pada 1.2.2018 semasa perniagaan pra perintis dianggap dilakukan pada 1.4.2018 iaitu pada hari permulaan perniagaan perintis.

- b) aset digunakan dalam perniagaan perintis dan **aset yang sama terus digunakan dalam perniagaan selepas perintis** –
- perbelanjaan baki pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran dalam tempoh asas di mana hari permulaan perniagaan selepas perintis jatuh, disifatkan sebagai perbelanjaan baki aset itu pada hari permulaan perniagaan selepas perintis itu; dan
 - perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas aset tersebut oleh syarikat perintis dalam tempoh asas di mana tarikh pemberhentian perniagaan perintis itu terjatuh, disifatkan berlaku pada hari permulaan perniagaan selepas perintis.

Contoh 7

SPTT Sdn Bhd telah diberikan perakuan perintis bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1.6.2017 hingga 31.5.2022. Akaun disediakan setiap

30 September. Pada 25.6.2020 perbelanjaan modal atas loji tambahan berjumlah RM300,000 telah dilakukan untuk perniagaan.

- i. Tempoh asas perniagaan perintis dan selepas perintis bagi tahun taksiran 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

Perniagaan Perintis	
Tahun Taksiran	Tempoh Asas
2020	1.10.2019 – 30.9.2020
2021	1.10.2020 – 30.9.2021
2022	1.10.2021 – 31.5.2022

Perniagaan Selepas Perintis	
Tahun Taksiran	Tempoh Asas
2022	1.6.2022 – 30.9.2022

- ii. Pengiraan elaun modal adalah seperti berikut:

Perniagaan Perintis		
Loji (25.6.2020)	RM	
Perbelanjaan yang layak (Kos)	300,000	
Tahun Taksiran 2020		
Elaun permulaan (20%)	60,000	
Elaun tahunan (14%)	<u>42,000</u>	<u>102,000</u>
Perbelanjaan bakian	198,000	
Tahun Taksiran 2021		
Elaun tahunan (14%)	<u>42,000</u>	
Perbelanjaan bakian	<u>156,000</u>⁶	

Nota:

⁶Perbelanjaan baki bagi loji tambahan pada 30.9.2021 (perniagaan perintis) adalah dianggap sebagai baki

perbelanjaan aset pada 1.6.2022 (perniagaan selepas perintis).

Perniagaan Selepas Perintis	
Loji (tambahan)	RM
Perbelanjaan bakian	156,000
Tahun Taksiran 2022	
Elaun tahunan (14%)	<u>42,000</u>
Perbelanjaan bakian	<u>114,000</u>

Contoh 8

Maklumat adalah sama seperti dalam **Contoh 7**.

Maklumat tambahan:

Perbelanjaan ke atas loji (tambahan 2) telah dilakukan pada 11.12.2021 iaitu dalam tempoh perniagaan perintis. Kos loji tambahan ialah RM50,000.

Pengiraan elaun modal loji (tambahan 2) adalah seperti berikut:

Perniagaan selepas perintis		
Loji (tambahan 2)	RM	
Perbelanjaan yang layak (Kos)	50,000 ⁷	
Tahun Taksiran 2022		
Elaun permulaan (20%)	10,000	
Elaun tahunan (14%)	<u>7,000</u>	<u>17,000</u>
Perbelanjaan bakian	<u>33,000</u>	

Nota:

⁷Perbelanjaan modal yang layak ke atas loji tambahan RM50,000 dianggap dilakukan pada 1.6.2022 iaitu hari permulaan perniagaan selepas perintis.

18.3 Elaun modal tidak dapat diserap

- a) Elaun modal yang tidak dapat diserap untuk tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran dalam tempoh asas yang mana hari permulaan perniagaan perintis terjatuh, disifatkan sebagai elaun untuk digunakan dalam perniagaan perintis.

Elaun ini akan ditolak daripada pendapatan larasan perniagaan perintis dalam tempoh asas bagi tahun taksiran dalam mana perniagaan perintis dimulakan.

Contoh 9

Rahmat Sdn Bhd (RSB) telah memulakan perniagaan pada 1.7.2021 dan diberikan perakuan perintis bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1.4.2022. Akaun disediakan setiap 31 Disember.

Pendapatan larasan dan elaun modal telah dikira seperti berikut:

Perniagaan Pra perintis			
Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Pendapatan Larasan (RM)	Elaun Modal (RM)
2021	1.7.2021 – 31.12.2021	20,000	45,000
2022	1.1.2022 – 31.3.2022	15,000	-

Perniagaan Perintis			
Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Pendapatan Larasan (RM)	Elaun Modal (RM)
2022	1.4.2022 – 31.12.2022	60,000	20,000

Pengiraan pendapatan berkanun RSB adalah seperti berikut:

Perniagaan Pra perintis		
Tahun Taksiran 2021	RM	Nota
Pendapatan larasan	20,000	

Tolak: Elaun Modal (terhad)	<u>20,000</u>	Baki elaun modal *RM25,000 (RM45,000-RM20,000) dihantar ke perniagaan perintis – subseksyen 18(5) APP
Perniagaan berkanun	Tiada	
Tahun Taksiran 2022		
Pendapatan larasan	15,000	
Tolak: Elaun modal	Tiada	
Perniagaan berkanun	<u>15,000</u>	

Perniagaan Perintis		
Tahun Taksiran 2022	RM	RM
Pendapatan larasan		60,000
Tolak: Elaun modal tahun semasa Elaun modal tidak dapat diserap h/h daripada perniagaan pra perintis	20,000 <u>25,000*</u>	<u>45,000</u>
Pendapatan berkanun perniagaan perintis		<u>15,000</u>

- b) Elaun modal yang tidak dapat diserap dalam perniagaan perintis bagi tahun taksiran sebelum sahaja tahun taksiran bagi tempoh asas yang mana hari permulaan perniagaan selepas perintis terjatuh, disifatkan sebagai elaun untuk digunakan di dalam perniagaan selepas perintis. Elaun modal tersebut boleh dihantar ke hadapan dan ditolak daripada perniagaan selepas perintis daripada sumber perniagaan yang sama.

Layanan ini berkuat kuasa mulai 31.8.2007 bagi syarikat perintis yang tempoh pelepasan cukainya tamat pada atau selepas 1.10.2005.

Contoh 10

Maju Sdn Bhd (MSB) telah memulakan perniagaan pada 1.2.2016 dan diluluskan taraf perintis bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1.8.2017. Akaun disediakan setiap 31 Disember.

Pendapatan larasan dan elaun modal bagi tahun taksiran 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

Perniagaan Perintis			
Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Pendapatan Larasan (RM)	Elaun Modal (RM)
2020	1.1.2019 – 31.12.2020	150,000	80,000
2021	1.1.2021 – 31.12.2021	25,000	40,000
2022	1.1.2022 – 31.07.2022	10,000	Tiada
Perniagaan Selepas Perintis			
Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Pendapatan Larasan (RM)	Elaun Modal (RM)
2022	1.8.2022 – 31.12.2022	40,000	20,000

Pengiraan pendapatan berkanun:

Perniagaan Perintis		
Tahun Taksiran 2020	RM	
Pendapatan larasan	150,000	
Tolak: Elaun modal	<u>80,000</u>	
Pendapatan berkanun	<u>70,000</u>	
Tahun Taksiran 2021		
Pendapatan larasan	25,000	
Tolak: Elaun modal (terhad)	<u>25,000</u>	Elaun modal hantar hadapan RM15,000 (RM40,000-25,000)
Pendapatan berkanun	<u>Tiada</u>	
Tahun Taksiran 2022		
Pendapatan larasan	10,000	
Tolak:		

Elaun modal	<u>Tiada</u>	
Pendapatan berkanun	<u>10,000</u>	

Perniagaan Selepas Perintis		
Tahun Taksiran 2022	RM	RM
Pendapatan larasan		40,000
Tolak: Elaun modal tahun semasa	20,000	
Elaun modal tidak dapat diserap dibawa ke hadapan daripada perniagaan perintis	<u>15,000⁸</u>	<u>35,000</u>
Pendapatan berkanun		<u>5,000</u>

Nota:

⁸Elaun modal akan dihantar ke perniagaan selepas perintis kerana tempoh perintis tamat pada 31.7.2022.

18.4 Aset yang diguna sama dalam perniagaan perintis dan bukan perintis

Elaun modal yang dikira hendaklah dibahagikan antara perniagaan perintis dan perniagaan bukan perintis berdasarkan bahagian kegunaan aset itu.

Untuk maklumat lanjut mengenai pembahagian elaun modal bagi aset yang digunakan dalam lebih daripada satu perniagaan, sila rujuk KU No.5/2014 bertajuk Pemilikan dan Penggunaan Aset bagi Tujuan Tuntutan Elaun Modal.

19. Kerugian Syarikat Perintis

- 19.1 Pendapatan berkanun perniagaan perintis akan dikecualikan sepenuhnya ataupun sebahagiannya. Walau bagaimanapun, amaun yang dikecualikan tersebut adalah tertakluk kepada tolakan kerugian mengikut seksyen 21A dan subseksyen 25(2) APP. Kerugian seksyen 21A adalah kerugian larasan tahun semasa bagi perniagaan selain perintis manakala kerugian

subseksyen 25(2) adalah kerugian perniagaan perintis yang dibawa dari tahun sebelumnya dan kerugian perniagaan perintis tahun semasa.

- 19.2 Kerugian larasan perniagaan perintis dalam tempoh pengecualian akan ditolak dari pendapatan berkanun perniagaan perintis atau perniagaan-perniagaan perintis bagi sesuatu tahun taksiran mengikut cara yang diperuntukkan oleh subseksyen 43(2) dan 44(1) ACP, iaitu selepas sekatan seksyen 21A, APP.

Bagi syarikat yang telah tamat tempoh pengecualian cukai, kerugian perintis yang tidak dapat diserap dalam tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan sebagai potongan menurut subseksyen 43(2) atau 44(2) ACP dalam menentukan jumlah pendapatan bagi perniagaan selepas perintis bermula atau mana-mana tahun taksiran berikutnya.

Contoh 11

Tekad Sdn Bhd (TSB) telah diberikan taraf perintis bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1.9.2016. Pengecualian cukai ialah 70% atas pendapatan berkanun perniagaan perintis. Akaun syarikat disediakan setiap 31 Disember. Perniagaan selepas perintis bermula dalam tahun asas bagi tahun taksiran 2021. Maklumat pendapatan STSB bagi akaun berakhir 31.12.2021 dan 31.12.2022 adalah seperti berikut.

Tahun Taksiran	Pendapatan berkanun/ (kerugian larasan)		Sewa (RM)
	Perniagaan perintis (RM)	Perniagaan selepas perintis (RM)	
2021	(90,000) Rugi bawa bawah (15,000)	55,000	10,000
2022	-	70,000	15,000

Pendapatan perintis dikecualikan dan pendapatan bercukai STSB ditentukan seperti berikut:

Tahun Taksiran 2021

- i) Pengiraan pendapatan perintis tertakluk kepada pengecualian

	RM	RM
Pendapatan berkanun perintis (rugi 90,000)		0
Tolak: 70% x Pendapatan berkanun perintis		<u>0</u>
30% x Pendapatan perintis disifatkan		<u>0</u>
Pendapatan perintis tertakluk kepada pengecualian (70%)		0
Tolak: Kerugian semasa bukan perintis – seksyen 21A APP		<u>0</u>
		0
Tolak: Kerugian perintis - subseksyen 25(2) APP - Kerugian perintis bawa bawah tidak diserap	<u>15,000</u> ⁹	<u>0</u>
		0
Tolak: Kerugian semasa perintis tidak diserap	<u>90,000</u> ¹⁰	<u>0</u>
Pendapatan perintis dikecualikan		<u>0</u>

Nota:

⁹Baki kerugian perintis bawa bawah yang tidak dapat diserap dibenarkan sebagai potongan menurut subseksyen 43(2) ACP.

¹⁰Baki kerugian semasa perintis yang tidak dapat diserap dibenarkan sebagai potongan menurut subseksyen 44(2) ACP.

Kedua-dua kerugian di atas boleh ditolak daripada pendapatan berkanun perniagaan selepas perintis.

ii) Penentuan pendapatan bercukai syarikat

	RM	RM
Pendapatan berkanun perniagaan selepas perintis		55,000
Tolak: Kerugian bawa bawah perintis – subseksyen 43(2) ACP		<u>15,000</u> ⁹
		40,000
Tambah : Pendapatan berkanun sewa		<u>10,000</u>
Pendapatan agregat		50,000
Tolak: Kerugian semasa perintis - subseksyen 44(2) ACP	90,000 ¹⁰	
Terhad	<u>50,000</u>	<u>50,000</u>
Kerugian hantar hadapan	<u>40,000</u>	
		0
Tambah: Pendapatan perintis disifatkan		<u>0</u>
Jumlah pendapatan/pendapatan bercukai		<u>0</u>

Tahun Taksiran 2022

Penentuan pendapatan bercukai:

	RM
Pendapatan berkanun selepas perintis	70,000
Tolak: Kerugian bawa bawah – subseksyen 43(2) ACP	<u>40,000</u>
	30,000
Tambah: Pendapatan berkanun sewa	<u>15,000</u>
Jumlah pendapatan/pendapatan bercukai	<u>45,000</u>

- 19.3 Pendapatan berkanun perniagaan perintis akan dikurangkan dengan kerugian larasan perniagaan bukan perintis bagi tempoh asas sesuatu tahun taksiran.

Dalam keadaan di mana kerugian perniagaan bukan perintis tidak dapat ditolak daripada pendapatan perniagaan perintis, kerugian itu akan ditolak mengikut subseksyen 43(2) dan 44(2) ACP dalam menentukan jumlah pendapatan syarikat bukan perintis bagi suatu tempoh asas suatu tahun taksiran berkenaan dan tahun taksiran berikutnya.

Contoh 12

Putra Sdn Bhd (PSB) diberi taraf perintis dengan pengecualian atas pendapatan berkanun perniagaan perintis sebanyak 70%. Maklumat pendapatan syarikat adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Pendapatan Berkanun/Kerugian larasan (perniagaan)		Sewa
	Perniagaan Perintis	Perniagaan Bukan Perintis	
2020	50,000	(15,000)	10,000
2021	30,000	(40,000)	17,000
2022	25,000	(35,000)	10,000

Pendapatan perniagaan perintis yang tertakluk kepada pengecualian dan pendapatan bercukai syarikat perintis adalah ditentukan seperti berikut:

Tahun Taksiran 2020

- i) Pengiraan pendapatan perintis tertakluk kepada pengecualian:

	RM
Pendapatan berkanun perintis	50,000
Tolak: 70% x Pendapatan berkanun perintis	<u>35,000</u>
30% x Pendapatan perintis disifatkan	<u>15,000</u>

Pendapatan perintis tertakluk kepada pengecualian	35,000
Tolak: Kerugian semasa bukan perintis – seksyen 21A APP	<u>15,000</u>
Pendapatan perintis dikecualikan	<u>20,000</u>

ii) Penentuan pendapatan bercukai PSB :

	RM
Pendapatan berkanun perniagaan bukan perintis (Rugi RM15,000 telah diserap – seksyen 21A APP)	0
Tambah : Pendapatan berkanun sewa	<u>10,000</u>
Pendapatan agregat	10,000
Tambah: Pendapatan perintis disifatkan	<u>15,000</u>
Jumlah pendapatan/pendapatan bercukai	<u>25,000</u>

Tahun Taksiran 2021

i) Pengiraan pendapatan perintis tertakluk kepada pengecualian:

	RM	RM
Pendapatan berkanun perintis		30,000
Tolak: 70% x Pendapatan berkanun perintis		<u>21,000</u>
30% x Pendapatan perintis disifatkan		<u>9,000</u>
Pendapatan perintis tertakluk kepada pengecualian		21,000
Tolak: Kerugian semasa bukan perintis - seksyen 21A APP	40,000	
Terhad	<u>21,000</u>	<u>21,000</u>
Baki kerugian semasa	<u>19,000</u>	
Pendapatan perintis dikecualikan		<u>Tiada</u>

ii) Penentuan pendapatan bercukai SPSB:

	RM	RM
Pendapatan berkanun perniagaan bukan perintis (Rugi semasa belum diserap RM19,000)		0
Tambah : Pendapatan berkanun sewa		<u>17,000</u>
Pendapatan agregat		17,000
Tolak: Kerugian semasa bukan perintis - subseksyen 44(2) ACP	19,000	
Terhad	<u>17,000</u>	<u>17,000</u>
Kerugian hantar hadapan	<u>2,000</u>	
		0
Tambah: Pendapatan perintis disifatkan		<u>9,000</u>
Jumlah pendapatan/pendapatan bercukai		<u>9,000</u>

Tahun Taksiran 2022

i) Pengiraan pendapatan perintis tertakluk kepada pengecualian:

	RM	RM
Pendapatan berkanun perintis		25,000
Tolak: 70% x Pendapatan berkanun perintis		<u>17,500</u>
30% x Pendapatan perintis disifatkan		<u>7,500</u>
Pendapatan perintis tertakluk kepada pengecualian		17,500
Tolak: Kerugian semasa bukan perintis - seksyen 21A APP	35,000	
Terhad	<u>17,500</u>	<u>17,500</u>
Baki kerugian semasa	<u>17,500</u>	
Pendapatan perintis dikecualikan		<u>Tiada</u>


ii) Penentuan pendapatan bercukai PSB:

	RM	RM
Pendapatan berkanun perniagaan bukan perintis (Rugi semasa belum diserap RM17,500)		0
Tolak: Kerugian bukan perintis bawa bawah - subseksyen 43(2) ACP Kerugian hantar hadapan <u>2,000</u>		<u>0</u>
		0
Tambah : Pendapatan berkanun sewa		<u>10,000</u>
Pendapatan agregat		10,000
Tolak: Kerugian semasa bukan perintis - subseksyen 44(2) ACP	17,500	
Terhad	<u>10,000</u>	<u>10,000</u>
Kerugian hantar hadapan	<u>7,500</u>	
		0
Tambah: Pendapatan perintis disifatkan		<u>7,500</u>
Jumlah pendapatan/pendapatan bercukai		<u>7,500</u>

- 19.4 Berkuat kuasa tahun taksiran 2019, kerugian perintis yang tidak diserap selepas tamat tempoh pelepasan cukai dibenarkan dihantar ke hadapan untuk tempoh maksimum tujuh (7) tahun taksiran berturut-turut. Tujuh (7) tahun taksiran berturut-turut bermula serta-merta selepas tempoh asas tahun taksiran tempoh pelepasan cukai tamat. Sebarang kerugian perintis yang tidak dapat diserap selepas tujuh (7) tahun taksiran berturut-turut akan diabaikan. Rajah I menunjukkan tempoh kerugian yang dibawa hadapan dan diserap dalam tahun taksiran berikutnya.

Kerugian perintis terkumpul yang tidak diserap sehingga tahun taksiran 2018, dibenarkan untuk dibawa ke hadapan sehingga maksimum tujuh (7) tahun taksiran bermula dari tahun taksiran 2019 hingga tahun taksiran 2025. Sebarang kerugian perintis terkumpul tidak dapat diserap selepas tahun taksiran 2025 akan diabaikan.

Rajah I: Tempoh kerugian bawa hadapan dan diserap ke tahun taksiran berikutnya.



20. Taraf Perintis Dan Elaun Cukai Pelaburan

- 20.1 Elaun cukai pelaburan (ECP) adalah alternatif kepada galakan taraf perintis. Kedua-dua galakan ini adalah saling eksklusif yang mana syarikat hanya layak menikmati salah satu galakan sahaja dalam satu masa, bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama.
- 20.2 Sesebuah syarikat itu boleh memohon kelulusan untuk menyerahkan kelulusan ECP berhubung suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi mendapatkan taraf perintis dengan syarat syarikat berkenaan belum lagi melakukan perbelanjaan modal yang layak dan Menteri berpuas hati dengan sebab-sebab penyerahan tersebut.
- 20.3 Sebaliknya, syarikat juga boleh memohon kelulusan untuk menyerahkan pemberian taraf perintis berhubung suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi mendapatkan ECP dengan syarat Menteri berpuas hati dengan sebab-sebab penyerahan balik pemberian taraf perintis tersebut. Bagi syarikat yang telah mendapat perakuan perintis, syarikat tidak lagi layak memohon ECP.

21. Akaun Berasingan

Syarikat yang telah diberikan kelulusan untuk taraf perintis tidak dibenarkan menjalankan apa-apa perniagaan selain perniagaan di mana keseluruhan pendapatan kasar diperoleh daripada aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dalam tempoh galakan cukai tanpa memaklumkan kepada Menteri. Jika syarikat menjalankan perniagaan selain daripada aktiviti digalakkan atau produk digalakkan, ia perlu menyimpan akaun berasingan untuk perniagaan lain tersebut, termasuk perniagaan lain yang melibatkan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan tambahan.

22. Penafian

Contoh dalam KU ini adalah bagi maksud ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Dalam Negeri Malaysia.**